

Jangan taksu semangat kenegerian

KOTA BHARU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memintakan ahli-ahli Umno supaya jangan taksu dengan semangat parti kenegerian yang hanya akan menghancurkan parti.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata apabila timbul semangat seperti itu, ia akan melemahkan Umno dan menjejaskan kekuatan parti sebagaimana pada 1987 apabila Umno diisytiharkan haram.

"Apabila ada semangat untuk menyokong orang tertentu dalam parti dan membelakangkan perjuangan, parti akan hancur," katanya.

Menurutnya, pemilihan pemimpin dalam parti itu pun bukan kerana ia datang dari sesebuah negeri.

"Sehubungan itu, setiap ahli hendaklah setia kepada parti supaya ia menjadi parti nasional yang kuat," katanya ketika merasmikan Gerak Kerja '92, pergerakan Wanita Umno Malaysia, di Politeknik Kota Bharu, Kok Lanas, dekat sini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno, Senator Annuar Musa dan Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau juga mengingatkan ahli parti supaya mengekalkan warisan Umno yang bekerjasama dengan parti pelbagai kaum di negara ini.

Menurutnya, pakatan

dalam Perikatan dahulu dikekalkan dalam Barisan Nasional (BN) sekarang ini.

"Bagaimanapun, pakatan tidak dibuat dengan parti yang ekstrimis dan oportunis seperti DAP," katanya.

Perdana Menteri berkata, bila ada parti yang berpakat seperti itu, ia menjadi lebih nasional.

Bagaimanapun, katanya kejayaan negara ini juga kerana Malaysia tidak pernah menjadikan demokrasi sebagai agama tetapi sebagai alat untuk mencapai matlamat.

"Demokrasi bukan kebebasan seratus peratus yang tidak terhad tetapi kebebasan yang bertanggungjawab dan jika disalahgunakan, akan menghancurkan diri," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerana kejayaan BN itulah ada parti lain yang cuba menirunya seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat.

"Kita berterima kasih kerana ini bermakna mereka mengakui cara kita itu baik," katanya.

Bagaimanapun, katanya, malang sekali mereka (parti-parti) yang bergabung tidak mempunyai fahaman yang sama tetapi disebabkan mahu menjadi oportunis, mereka adakan juga pakatan itu yang tentu tidak akan berhasil.

Beliau juga mengingatkan ahli supaya mengingati perjuangan Umno yang berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.